

# Perbezaan pendapat tidak jejas perbincangan

Oleh Johari Ibrahim

BH

15 JAN 2001

ALOR STAR, Ahad\*— Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perbezaan pendapat di antara Umno dan Pas tidak akan menjejaskan usaha pemimpin kedua-dua parti itu untuk mengadakan perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Malah, Perdana Menteri menyifatkan suasana ke arah perbincangan berkenaan kini baik.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, perbezaan pendapat memang perkara biasa, tetapi ia tidak akan menjejaskan usaha

untuk menyatukan orang Melayu.

"Akan ada perbezaan pendapat... tak apalah... asalkan kita dapat duduk dan berbincang antara satu sama lain (Umno dan Pas)," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menghadiri istiadat penganugerahan darjah kebesaran sempena sambutan kepute-

raan ke-73 Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Dr Mahathir berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob dan Setiausaha Agung Pas, Nasharudin Mat Isa, akan mengadakan pertemuan untuk menentukan aspek teknikal perbincangan itu.

Perdana Menteri sebelum ini dilaporkan berkata Umno berharap Pas akan bersetuju menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama dan mengadakan per-

jumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Sementara itu, Fadzil pada majlis ceramah di Kampung Gajah Mati, Pendang malam tadi, menyifatkan pelawaan Umno untuk berbincang mengenai perpaduan Melayu sebagai satu petanda baik.

Bercakap kepada pemberita pula, beliau berkata, parti itu juga mempunyai beberapa cadangan untuk dikemukakan kepada Umno dalam perbincangan itu nanti demi

perpaduan umat Melayu.

Beliau turut menjelaskan persetujuan Pas untuk hadir pada perbincangan perpaduan Melayu adalah keputusan sebulat suara di kalangan pemimpin tertingginya.

"Kita mengadakan mesyuarat dan semua, termasuk Ketua Pemuda (Mahfuz Omar) dibenarkan bercakap dan memberi pendapat," katanya.

"Kita bersetuju pada prinsipnya bahawa Pas menyertai perbincangan itu dan skopnya perlu diperluaskan," katanya.